
Pelajaran 2: Berunding Bersama

Anda mungkin mengajar ajaran ini secara seluruh atau membahagikannya kepada segmen-segmen kecil. Sesuaikan pelajaran berdasarkan situasi tempatan dan keperluan, umur, dan tahap pemahaman kuorum atau kelas presidensi anda.

KEKUATAN DATANG DARI BERUNDIRING BERSAMA

Cara Tuhan memimpin umat Gereja-Nya adalah melalui majlis-majlis (lihat [Ajaran dan Perjanjian 43:8–10](#)). Berunding bersama dapat membantu menyatukan kita sebagai satu kuorum atau presidensi kelas, dibimbing oleh Roh dalam membuat keputusan, dan melakukan kerja Tuhan dengan lebih berkesan. Bagaimanakah berunding bersama membantu kita membuat keputusan yang lebih baik?

BERUNDIRING BERSAMA DAPAT MEMBANTU KITA MENERIMA WAHYU

Elder Neil L. Andersen mengajar bahawa “wahyu tersebar di kalangan kita” (dalam [“Auxiliary Panels Use New Training Library,” Ensign](#), Apr. 2011, 76). Rundingan membenarkan kita untuk mengumpul wahyu itu apabila kita merancang dan melaksanakan kerja Tuhan. Untuk menjelaskan idea ini, anda boleh memberikan setiap ahli presidensi beberapa kepingan teka teki mudah dan jemput mereka untuk bekerjasama melengkapkan teka teki itu.

- Bagaimanakah contoh ini boleh diaplikasikan dalam rundingan secara satu presidensi?
- Mengapakah ianya penting bagi semua untuk menyumbang dalam satu majlis?
- Apakah yang kita boleh lakukan untuk membantu semua berasa selesa untuk menurut serta?
- Apakah yang kita boleh lakukan untuk menjemput dan mendengar Roh Kudus apabila kita berunding bersama?

Fikirkan satu cabaran atau keperluan dalam kuorum atau kelas anda. Berlatih untuk berbincang bersama bagaimana mengatasinya.

SUMBER-SUMBER SOKONGAN

- [Matius 18:20](#)
- [Eter 2:14–3:16](#)
- [Ajaran dan Perjanjian 88:122](#)
- [Ajaran dan Perjanjian 107:84–87](#)